

09 MAY 1998

Mahathir-Islam

MAHATHIR MAHU MASYARAKAT ISLAM AMAL TOLERANSI DAN KESEDERHANAAN

Oleh: Azman Ujang

KAHERAH, 9 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang dianugerahkan Doktor Kehormat Kesusasteraan oleh universiti tertua di sini Sabtu, berkata masyarakat Islam akan menjadi lemah dan ditindas dan hanya boleh menyalahkan diri mereka sendiri sekiranya mereka tidak mengamalkan toleransi dan kesederhanaan.

Perdana Menteri berkata ketika sikap tidak toleransi berleluasa di kalangan masyarakat Islam, Kristian, Yahudi, Hindu dan Buddha di tempat-tempat lain, umat Islam di Malaysia, iaitu 60 peratus dari jumlah penduduknya, mengamalkan kesederhanaan dan toleransi kerana itulah yang dikehendaki Islam.

"Sikap ini dibalas balik oleh sebilangan besar rakyat bukan Islam. Oleh itu toleransi dan kesederhanaan memberikan kebaikan besar kepada umat Islam di Malaysia. Kita lihat bukan sahaja dogma keagamaan dalam ajaran Islam tetapi cara hidup terbaik sebenarnya," katanya ketika menerima anugerah itu, yang pertama dari Universiti Al Azhar yang berusia 1,000 tahun itu kepada ketua kerajaan asing dalam masa 30 tahun.

Dr Mahathir berkata beliau menerima jemputan untuk berucap di universiti itu kerana beliau berpegang teguh kepada Islam tetapi kecewa dengan tanggapan masyarakat bukan Islam dan orang-orang Islam sendiri yang mengakibatkan masyarakat Islam dicerca, dikaitkan dengan aktiviti-aktiviti tidak baik dan diperbodohkan.

"Agama kita sempurna tetapi kita tidak sempurna. Ketidaksempurnaan kita dan keengganan kita untuk mematuhi ajaran sebenar Islamlah yang telah membawa kepada kejatuhan kita dan keadaan-keadaan malang yang dihadapi oleh masyarakat Islam di seluruh dunia hari ini," katanya dalam ceramah bertajuk "Toleransi dan Kesederhanaan dalam Islam" dihadapan cendekiawan-cendekiawan Islam Mesir dan beberapa ratus pelajar Malaysia.

Dr Mahathir berkata kesemua tanggapan dan penghinaan terhadap Islam bukanlah disebabkan oleh Islam sendiri tetapi tafsiran yang dibuat oleh orang-orang Islam dan bukan Islam untuk kepentingan diri mereka sendiri bagi menghalalkan kesalahan-kesalahan yang mereka telah lakukan ataupun mahu lakukan.

Beliau membuat beberapa rujukan dan memetik ayat-ayat Quran mengenai toleransi dan kesederhanaan yang diamalkan oleh Rasulallah saw termasuk terhadap anggota keluarga baginda yang tidak memeluk Islam dan terhadap musuh baginda, yang telah memenangi hati penduduk di seluruh semenanjung Arab, yang telah membuat kesemua mereka memeluk agama Islam dan bersatu sebagai satu ummah.

"Bermula di situ penyebaran Islam sebagai satu agama dan sebagai semangat pendorong untuk membina satu empayar tidak lagi boleh dihalang. Itulah kebesaran dan keajaiban yang dibawa oleh toleransi dan kesederhanaan Islam dan ummah," katanya.

Dr Mahathir berkata sekiranya masyarakat Islam mahu memperbetulkan imej dan salah tanggapan terhadap Islam yang sekarang perkara biasa di seluruh dunia, mereka perlu menunjukkan kesediaan untuk membuang niat untuk menuntut bela dan melancarkan keganasan tanpa sebab.

Jelas merujuk kepada usha damai Timur Tengah yang tertangguh-tangguh itu, Perdana Menteri berkata: "Membunuh sesama sendiri dan membunuh orang lain untuk menunjukkan dalamnya dan kuatnya komitmen kita terhadap perjuangan kita mungkin berjaya menarik perhatian terhadap masalah kita, tetapi itu tidak akan membawa kejayaan kepada perjuangan kita.

"Kita tahu bahawa lagi banyak ketidakadilan dan penindasan dilakukan ke atas kita, lagi kuat keazaman kita untuk terus berjuang. Serupa juga, lagi banyak perkara serupa kita lakukan ke atas musuh kita, mereka menjadi lebih berazam lagi. Dan permusuhan mereka semakin bertambah.

"Kita tidak akan menang dengan secara begitu kecuali sudah tentu sekiranya bukan kemenangan atau kejayaan yang kita mahukan tetapi keinginan untuk menuntut belas semata-mata, bagi memuaskan nafsu binatang kita," kata beliau.

Mengenai pembunuhan sesama sendiri di kalangan umat Islam, beliau bertanya: "Bagaimana kita boleh sembahyang dan selepas itu pergi menuntut bela ke atas saudara seIslam sendiri dengan membunuh mereka? Mungkin mereka tidak sembahyang sebanyak mana yang kita sembahyang, tetapi apakah kita sebenarnya boleh tahu yang mereka mendapat kurang pahala? Hanya Allah sahaja yang mengetahui siapa yang lebih mematuhi ajaran Islam, kita atau mereka."

Beliau berkata orang Islam mempunyai tanggungjawab untuk memberi penjelasan mengenai Islam kepada orang Islam lain dan juga orang bukan Islam dan penjelasan yang paling baik sekali ialah dengan mempamerkan secara nyata ajaran sebenar Islam dari segi toleransi dan kesederhanaan dan menolak kefanatikan dan ekstrimisme.

Perdana Menteri juga mengingatkan umat Islam di seluruh dunia bahawa bukan semua mereka tinggal dalam negara yang 100 peratus penduduknya Islam sebagaimana yang terdapat sekarang yang mana semakin banyak orang-orang Islam yang tinggal di negara bukan Islam dan dalam masyarakat bukan Islam.

Ada perkara-perkara yang masyarakat 100 peratus Islam boleh buat yang tidak boleh dilakukan dalam masyarakat Islam yang majoritinya kecil, atau di mana mereka memang minoriti.

Umat Islam yang tinggal di negara Islam perlu ingat bahawa dalam dunia yang semakin mengecil ini, apa-apa yang berlaku di sebuah masyarakat atau negara Islam akan memberi kesan kepada masyarakat Islam di tempat lain.

"Mungkin kita di negara Islam tidak bersikap toleran dan menindas sebilangan kecil orang-orang bukan Islam di kalangan kita. Tetapi kita perlu ingat bahawa ini mungkin membahayakan orang-orang Islam minoriti di negara lain.

"Kita tidak mahu orang-orang Islam minoriti di banyak negara menderita hanya kerana tindakan kita terhadap orang-orang bukan Islam di kalangan kita," kata beliau.

-- BERNAMA

AU WAT